

## I-Finog UMP galak reka cipta berteknologi hijau



Kuantan, 17 April- Penganjuran International Festival Innovation On Green Technology (i-FINOG 2016) berjaya memupuk budaya reka cipta dalam kalangan generasi muda yang menyaksikan lebih 200 hasil penyelidikan teknologi hijau dipertandingkan di Kompleks Sukan UMP Gambang yang semalam.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar Negeri Pahang, Dato' Sri Ir. Haji Mohd. Soffi Tan Sri Abdul Razak yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin, Pendaftar, Abd Hamid bin Majid dan pengerusi i- FINOG, Abdul Shukor Abd. Razak

Terdahulu, Profesor Dato' Dr. Yuserrie yang membacakan Teks ucapan Naib Canselor UMP, Prof. Dato Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pertandingan teknologi hijau ini menggalakkan dan memberi kesedaran kepada pelajar serta masyarakat tentang pentingnya pemeliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang melalui penghasilan produk teknologi hijau.



"Ketika negara berdepan dengan fenomena El-Nino membuatkan kita sedar akan kesan perubahan iklim global bukan sahaja kepada alam sekitar, tetapi juga untuk kesejahteraan dan kehidupan kita. Usaha dalam menggalakkan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui dapat memelihara alam semula jadi dan melindungi alam sekitar," katanya dalam ucapan.

Tambah beliau, negara-negara kini mencari cara-cara baru untuk mempercepatkan penggunaan teknologi hijau sebagai langkah yang berkesan sesuai dengan perubahan iklim.

Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam menggalakkan pembangunan mampan, dalam Pelan Strategik UMP 2016-2020 bertemakan memasyarakatkan teknologi, UMP komited dalam meneroka pembangunan teknologi mampan, penghasilan reka cipta dan inovasimenggunakan bidang kepakaran dan keupayaan penyelidikan yang dimiliki.



Selain itu, UMP juga sedang melaksanakan pelbagai program pendidikan dan penyelidikan yang lestari dalam membentuk kehidupan yang sihat dan kondusif serta mempertingkatkan kualiti persekitaran dan menilai tahap keberkesanan penggunaan tenaga di sekitar kampus.

Pertandingan ini mendapat kerjasama baik daripada pihak Malaysia Invention & Design Society (MINDS) dan Korea Invention Academy (KIA).

Pertandingan menyaksikan tiga kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Ingenuity Engineering Design For Social Life (IPT), kategori Green Youth Inventor (sekolah menengah) dan kategori Genius Creative Transformation untuk pelajar sekolah rendah.

Pertandingan menyaksikan i-FINOG Green Technology Award, i- FINOG Young Scientist Award, i- FINOG Young Inventor Award, i- FINOG Creative Invention Award, Vice Chancellor Award, KeTTHA Special Award, i- FINOG Special Award, i- FINOG Best Of The Best Award, i- FINOG Social Impact Award dan i- FINOG Engineering Invention Award manakala anugerah tertinggi pemenang anugerah i-FINOG Grand Prize Award bakal membawa pulang RM2000.



Bagi pemenang Anugerah i-Finog Grand Prize Award telah dimenangi oleh Muhammad Hazim Aiman Zainal Abidin dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi penyelidikan Waste To Wealth : Transformation of Cockle Shells Waste Into Hydroxyapatite For Bone Regeneration.

Penyelidikan ini menggunakan kulit kerang bagi menghasilkan komponen dalam pembuatan Hydroxyapatite untuk membantu pertumbuhan semula tulang dan gigi manusia.

Seterusnya dimenangi oleh Nurul Akmal Md Fadil dari Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin menerusi penyelidikan Smart Pot dan Qarira Aina Azhari dari SK(P) Methodist, Kuantan menerusi tajuk Sweet: Smart Energy Enabling Turbine.



Program anjuran Kelab Ecotech dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) ini mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). Penganjuran turut mendapat sokongan UMP Advanced Education, Pusat Kecemerlangan Industri Bioteknologi, Pusat Kesihatan Pelajar, UMP Holding, UMP Ecopest, Malaysia Solar Resources, Ranhill Utilities Sdn.Bhd, FPG Oleochemicals Sdn.Bhd, Chromoscience Sdn.Bhd dan I&P Group Sdn.Bhd.

Pertandingan ini membabitkan penyertaan daripada 17 penyertaan dalam kalangan pelajar sekolah (17), pelajar sekolah menengah (32), pelajar UMP (85) dan IPT lain (36) serta 13 penyertaan dari luar negara termasuk Korea dan Indonesia.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat, Foto oleh Khairu Aidilnisha Rizan Bin Jalil**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 18-04-2016, 15:27:07